☑ KOSMO
Tarikh: 17/4/2012
Hari: SELASA M/S: 18
Ruangan: NEGARA

UUM wujud pelan transformasi 2011-2020

SINTOK — Universiti Utara Malaysia (UUM) mewujudkan Pelan Transformasi UUM 2011-2020 dalam usaha mencapai matlamat menjadi sebuah universiti pengurusan.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, kerangka pelan transformasi itu dibahagikan kepada fasa pertama (2011-2015) untuk meletakkan UUM di persada nasional dan fasa kedua (2016-2020) untuk membumikan UUM di peta akademik dunia sebagai sebuah universiti pengurusan yang dihormati.

"Dalam agenda transformasi ini juga, kita sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan kerajaan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan dalam bidang Pengurusan dan Sains Sosial pada tahun 2012," katanya ketika berucap sempena sambutan Hari Pengasasan UUM ke-28 di sini semalam.

Beliau berkata, dalam aspek pengantarabangsaan, UUM kini boleh berbangga kerana mempunyai sejumlah 2,143 pelajar antarabangsa dari 42 buah negara.

"Ternyata lokasi kita di Sintok bukan satu penghalang kepada pelajar asing memilih UUM. Mereka memilih UUM kerana kekuatan dan keunggulan bidang pengajian pengurusan dan perniagaan," katanya.

"UUM berhasrat mencapai sasaran 30 peratus pelajar antarabangsa menjelang tahun 2015 atau sekurang-kurangnya 9,000 orang," katanya.

Beliau berkata, ia selaras dengan matlamat menjadikan kampus UUM bersifat antarabangsa dan merealisasikan agenda pengantarabangsaan, UUM merekrut seramai 82 tenaga akademik antarabangsa dari lebih 20 negara.

Sasaran UUM juga adalah untuk mempunyai 10 peratus atau kira-kira 120 tenaga akademik antarabangsa daripada keseluruhan jumlah staf akademik di UUM. — Bernama